

## Interpretasi Elemen Teori Terminologi Sosiokognitif dalam Penguasaan Istilah Bahasa Melayu

Noorul Khairien Abdul Malek<sup>1</sup>, Hasnah Mohamad<sup>2</sup> dan Norazlina Mohd Kiram<sup>2</sup>

<sup>1</sup>IPG Kampus Pendidikan Teknik

<sup>2</sup>Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia  
noorul.khairien@ipgm.edu.my; hasnahrazali1988@gmail.com; noraz@upm.edu.my

### ABSTRAK

Teori Terminologi Sosiokognitif (Temmerman, 2000) menggariskan empat elemen yang menyumbang kepada potensi kognitif dalam bidang bahasa khusus dan variasi terminologi. Elemen ini berkait rapat dengan penguasaan istilah dalam kalangan pelajar khususnya yang berada dalam bidang sains dan teknikal. Pembentukan istilah dalam bidang ini tertumpu kepada konsep istilah sahaja dan tidak membantu pelajar dalam menguasai istilah dan memahaminya. Kajian mendapati bahawa pelajar kurang menguasai istilah bahasa Melayu kerana kesukaran dalam memahami ciri-ciri intrinsik istilah dan memberi tafsiran yang berbeza terhadap satu-satu istilah. Selain itu, penguasaan pelajar terhadap istilah bahasa Melayu bergantung kepada konsep istilah semata-mata dalam memahami istilah. Hal ini memberi implikasi kepada pemahaman pelajar terhadap istilah dalam bidang sains, teknologi dan kejuruteraan yang menyebabkan pelajar tidak menguasai pembelajaran. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor penguasaan pelajar terhadap istilah bahasa Melayu; dan menginterpretasi elemen Teori Terminologi Sosiokognitif dalam penguasaan istilah bahasa Melayu dalam kalangan pelajar. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah temu bual, ujian peristilahan dan pemerhatian. Persampelan bertujuan digunakan dalam kajian ini dan data dianalisis secara deskriptif. Kajian mendapati bahawa terdapat faktor-faktor yang membantu pelajar menguasai istilah bahasa Melayu melalui kaedah pembentukan terjemahan secara langsung yang menggambarkan istilah melalui ciri intrinsik istilah. Hasil kajian juga mendapati faktor yang menyumbang kepada penguasaan pelajar terhadap istilah bahasa Melayu boleh dikategorikan mengikut empat elemen potensi kognitif dalam peristilahan iaitu konteks verbal, situasi, kognitif dalam wacana dan komunikatif persekitaran. Kajian ini dapat membuktikan bahawa penguasaan pelajar terhadap istilah teknikal atau bahasa khusus turut dibantu oleh faktor lain dan tidak memfokus kepada konsep istilah itu sahaja. Kajian ini mendapati bahawa faktor persekitaran, pengalaman, bahasa kebangsaan, pendidikan, media massa dan komunikasi dapat diinterpretasi menerusi elemen potensi kognitif yang digariskan dalam Teori Terminologi Sosiokognitif.

**Keywords:** Teori Terminologi Sosiokognitif; penguasaan; intepretasi; potensi kognitif; faktor-faktor

### PENDAHULUAN

Bahasa merupakan aspek penting dalam komunikasi antara pengguna bahasa. Perkembangannya sangat mempengaruhi keupayaan pengguna bahasa untuk menyampaikan idea dan pemikiran dengan berkesan. Dalam konteks proses pembinaan bahasa, bidang terminologi atau peristilahan termasuk dalam perancangan korpus bahasa yang memainkan peranan penting dengan menyediakan istilah standard, meningkatkan kejelasan dan ketepatan dalam pelbagai bidang terutamanya dalam bidang khusus. Istilah ialah perbendaharaan kata yang digunakan dalam bidang khusus atau ilmu profesional adalah untuk memastikan perwakilan dan pemahaman yang tepat dalam kalangan pengamal atau pakar sesuatu bidang. Dengan mewujudkan definisi yang

jelas untuk konsep yang unik untuk setiap bidang, istilah memudahkan komunikasi yang berkesan antara pengamal bahasa terutamanya pelajar yang menceburi bidang khusus seperti bidang sains, teknologi dan kejuruteraan. Lim Swee Tin (2016) menyatakan bahawa pertambahan perbendaharaan kata dalam bahasa Melayu diperkaya melalui pembinaan istilah yang termasuk dalam perancangan bahasa kerana pembentukan istilah dan pemantapan bahasa Melayu adalah untuk memastikan bahasa Melayu sentiasa kompeten.

Peristilahan merupakan satu konsep ilmu, konsep makna dan takrifannya tentang kata dan lambang linguistik. Pembentukan istilah melibatkan proses penterjemahan atau penyerapan bagi menamakan sesuatu istilah mengikut konsep dan maknanya. Istilah pula diertikan sebagai kata atau frasa yang mengungkap konsep khusus yang terdapat dalam sesuatu bidang khusus. Bidang peristilahan mengalami evolusi sebagai proses keintelektualan yang menjadi pemangkin kepada pembinaan dan perkembangan istilah bahasa Melayu hingga kini. Sejak tahun 1956, kegiatan pembentukan istilah dalam pembinaan bahasa Melayu telah dilaksanakan secara terancang oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Buku *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu* (PUIBM) yang diterbitkan pada tahun 1975 dan 2004 menjadi pegangan kepada jawatankuasa istilah, perancang bahasa, pakar-pakar dalam sesuatu bidang bagi memudahkan proses pembentukan istilah bahasa Melayu. Istilah-istilah yang digubal melalui proses penterjemahan, penyerapan atau gabungan penterjemahan dan penyerapan daripada istilah asing adalah dengan berpandukan buku PUIBM bagi memenuhi keperluan peristilahan dalam bahasa Melayu khususnya dalam bidang sains teknologi dan kejuruteraan. Pembinaan atau penciptaan istilah baharu terutamanya dalam bidang ilmu profesional seperti kejuruteraan memerlukan sesuatu istilah itu mempunyai makna yang sesuai dengan konteks penggunaan bidangnya melalui proses terjemah pinjam dalam penciptaan istilah bahasa Melayu (Ainon Mohd dan Abdullah Hassan, 2000). Istilah bahasa asing yang diserap ke dalam bahasa Melayu melalui proses terjemahan atau penyerapan mengikut kesesuaian maknanya, mestilah lebih singkat daripada penerangan konsepnya dalam bahasa Melayu. Proses ini memudahkan penyelarasan istilah jika istilah bahasa Melayu tersebut mempunyai banyak kata yang sinonim. Hal ini berlaku kerana kebanyakan konsep saintifik terdapat dalam bidang sains dan teknologi dan bahasa Melayu kurang efisien untuk mendukung konsep istilah walaupun bahasa Melayu telah sedia memiliki kata-kata saintifik bagi menerangkan beberapa konsep sains berdasarkan ciri-ciri konsep yang ada pada istilah sumber (S.Nathesan, 2016). Hal ini menunjukkan bahawa istilah juga terbentuk atas pengalaman pengguna bahasa dalam bidang tertentu, namun dalam proses pembentukan istilah perlu mengikut garis panduan pembentukan istilah supaya istilah yang dibentuk mempunyai makna yang tepat bagi konteks penggunaan dalam suatu bidang. Sebagai contoh, istilah perubatan membolehkan pengamal perubatan di seluruh dunia berkongsi maklumat dengan lebih cekap sambil meminimumkan kemungkinan salah tafsiran kerana variasi merentasi bahasa atau dialek pengguna.

Penguasaan istilah sangat penting dalam pembelajaran dan pemahaman konsep bidang khusus. Pelajar yang menguasai istilah-istilah dalam bidang tertentu cenderung lebih mampu mengikuti pelajaran dan lebih yakin dalam menjawab pertanyaan melaksanakan tugas. Kajian Tan & Goh (2020) menunjukkan bahawa terdapat korelasi positif antara penguasaan istilah dan prestasi akademik pelajar. Pelajar yang memiliki kosa kata yang lebih luas cenderung memahami dan menguasai pembelajaran. Di samping memupuk ketepatan melalui keseragaman dan pemeliharaan pengetahuan merentasi generasi, menggunakan istilah yang betul menguatkan pemahaman pelajar mengenai subjek yang kompleks. Secara umum, penyelidikan telah menunjukkan bahawa luasnya perbendaharaan kata atau istilah yang dikuasai oleh pelajar adalah penentu utama kejayaan akademik (Loewen & Ellis, 2004; Masrai et al., 2021; Milton & Treffers-Daller, 2013; Roche & Harrington, 2013; Szabo et al., 2021). Coxhead (2020) dalam kajiannya berkaitan istilah atau kosa kata akademik menekankan kepentingan istilah akademik dan menunjukkan bahawa istilah akademik adalah asas kepada pelbagai jenis teks akademik, merangkumi antara 10% dan 14% daripada jumlah perkataan dalam teks akademik. Hal ini menunjukkan bahawa antara faktor yang membantu pembelajaran pelajar dalam bidang khusus

seperti sains, teknologi dan kejuruteraan adalah penguasaan terhadap istilah dengan memahami makna istilah dan ciri-ciri intrinsik istilah tersebut dalam bahasa kebangsaan. Dengan memfokus kepada ciri-ciri intrinsik istilah, tafsiran pelajar terhadap istilah adalah lebih tepat bersesuaian dengan konsep istilah tersebut. Ciri-ciri intrinsik istilah memainkan peranan penting bagi merangsang kognitif pelajar terhadap penguasaan istilah kejuruteraan bahasa Melayu. Dengan memahami fizikal objek melalui pencirian unsur intrinsik seperti sifat, kandungan, bentuk dan warna terhadap objek yang ditafsirkan melalui istilah tersebut sekali gus dapat memberi gambaran kepada kognitif pelajar. Selain itu, penguasaan istilah kejuruteraan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar membawa kepada pemahaman yang jitu dan dapat dikaitkan dengan pengalaman sosial seseorang individu. Pelajar berupaya menguasai istilah kejuruteraan bahasa Melayu menerusi pemikiran yang selari dengan bahasa yang mendominasi pertuturan mereka.

Seseorang dapat mendeskripsi pengalaman sosial yang dialami bagi menyampaikan gambaran kognitifnya dengan inteprestasi dalam bahasa Melayu yang menjadi bahasa pertuturan sejak kecil. Apabila mereka menerima pendidikan dalam bahasa sendiri, mereka bebas daripada unsur penjajahan minda dan dapat menempuh kemodenan melalui bahasa sendiri (Abdullah Hassan, 2009). Melalui bahasa Melayu yang diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan, sesuatu ilmu dapat disampaikan dengan lebih cepat kerana masyarakat lebih menjiwai dan memahami bahasa kebangsaan mereka sendiri berbanding dengan bahasa kedua, khususnya bidang yang menggunakan istilah dalam menerangkan sesuatu konsep. Wan Ramli (2016) menjelaskan bahawa tiada negara di dunia yang maju dalam bidang sains dan teknologi menyampaikan ilmu dalam bidang ini dalam bahasa asing dan bebas mencipta istilah sains dan teknologi serta menterjemah ilmu bahasa lain dalam bahasa kebangsaan mereka sendiri. Justeru, pelajar sebenarnya dapat memahami secara terus penyampaian ilmu melalui penguasaan bahasa kebangsaan seperti pengalaman negara-negara maju yang masih utuh penggunaan bahasa kebangsaan mereka dalam proses pemerolehan ilmu.

## **KAJIAN PERISTILAHAN BAHASA MELAYU**

Bidang peristilahan merupakan satu bidang terpenting dalam perancangan bahasa sesebuah negara. Pembentukan istilah menjadikan perbendaharaan kata bahasa Melayu semakin berkembang dengan luas sejajar dengan keperluan pengguna bahasa dalam pelbagai bidang ilmu khususnya kejuruteraan, sains dan teknologi. Felber (1984) menginterpretasikan istilah sebagai suatu simbol linguistik yang terdiri daripada kata atau frasa, rangkai kata, simbol grafik, akronim dan notasi serta singkatan inisial yang menamai satu atau lebih konsep dalam sesuatu bidang. Manakala dalam buku *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu* (PUPIBM) (1975), istilah merupakan kata atau gabungan kata yang jelas menerangkan makna, konsep, proses, keadaan atau ciri yang khusus dalam bidang tertentu. Kajian mengenai bidang peristilahan di negara ini dalam pelbagai disiplin ilmu menjurus kepada kajian pembentukan istilah dan kajian mengenai kaedah lain dalam penggubalan istilah baharu. Junaini (2020) dalam kajiannya menyatakan bahawa kajian peristilahan boleh dikelompokkan kepada yang pertama; kajian umum tentang istilah iaitu, kajian cenderung melihat bentuk istilah dan kaedah yang dilakukan oleh pengguna atau penggubal istilah dalam membentuk istilah tersebut. Manakala yang kedua; kajian alternatif penggubalan istilah, iaitu kajian yang mengemukakan cara yang dapat membantu pengguna membentuk istilah baharu. Zaliza dan Mahfuzah (2014) dalam kajiannya berkaitan cara pembentukan istilah dalam bidang saintifik mendapati pembentukan istilah melibatkan penggunaan semula sesuatu bahan dari suatu bahasa sumber ke dalam bahasa penerima (masyarakat) yang mengkhusus kepada makna dan jalan bahasa yang lazim.

Pembentukan istilah berlaku apabila terdapat keperluan untuk menampung kekurangan istilah yang diperlukan oleh penutur untuk menjelaskan suatu konsep terutamanya dalam bidang teknikal khususnya bidang kejuruteraan. DBP telah membukukan istilah bahasa Melayu dalam bidang kejuruteraan seawal tahun 1970 yang mengandungi 15568 istilah kejuruteraan. DBP

terus memenuhi keperluan pengguna bidang kejuruteraan dengan menerbitkan buku Istilah Kejuruteraan Pengajian Tinggi (Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu) pada tahun 1987 dan Edisi Khas Istilah Kejuruteraan (Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu) pada tahun 1990 hasil kolaboratif Lembaga Kejuruteraan Malaysia (LKM). Hal ini merupakan usaha yang berterusan dalam pembentukan istilah bahasa Melayu bagi mengisi peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu di negara ini yang telah bermula sejak pada tahun 1957, dengan dua bidang terawalanya, iaitu Istilah Kerajaan dan Istilah Ilmu Sains dan Teknik (Awang Sariyan, 2017). Sehingga tahun 1992, hampir 240 000 istilah dalam bidang kejuruteraan, sains dan teknologi telah dibentuk (Junaini et al., 2017). Kebanyakan istilah yang dibentuk adalah melalui peminjaman dan penyerapan istilah bahasa sumber yang terdiri daripada bahasa Inggeris kerana pemerolehan bidang ilmu ini yang lebih bersifat teknikal bersandarkan kepada penggunaan istilah bahasa Inggeris dalam bidang kejuruteraan. Walau bagaimanapun, istilah bahasa sumber yang dipinjam dan diserap untuk pembentukan istilah bahasa Melayu perlu menepati kaedah yang ditetapkan oleh PUPIBM. Pembentukan istilah baharu haruslah melalui lima kaedah iaitu penggubalan, pengesahan, penyelarasan, pemanuskripan dan penyebaran istilah oleh jawatankuasa peristilahan yang dilantik mewakili bidang mereka (Asrul Azuan et. al (2014). Istilah bahasa Melayu dibentuk menggunakan kaedah pinjam suai, pinjam langsung dan pinjam terjemah. Hal ini menjamin ketepatan konsep yang diambil daripada bahasa asing untuk diserapkan dalam istilah bahasa Melayu.

Pemilihan konsep istilah sangat penting dalam bidang terminologi. Kebanyakan istilah dibuat dan konsep dicipta dalam wacana dengan cara penjelasan dan formulasi. Pembentukan istilah dan pilihan bahasa penerangan memerlukan penterjemahan dan epistemologi yang baik. Menurut Sager (1990), kata atau istilah dalam bidang terminologi mempunyai tiga makna, iaitu kumpulan penggunaan dan kaedah yang digunakan untuk pengumpulan, penerangan dan penyebutan istilah; teori dalam sesuatu bidang yang dihuraikan untuk menjelaskan hubungan antara konsep dan istilah; dan perbendaharaan kata yang teknikal dalam sesuatu bidang khas. Hasnah Mohamad (2016) pula, telah merumuskan perbezaan takrifan konsep, istilah dan kata, iaitu konsep ialah asas dalam pembentukan kata dan istilah; kata dan istilah boleh menjadi simbol untuk menggambarkan sesuatu konsep; istilah boleh terdiri daripada kata, singkatan, huruf, lambang grafik dan sebagainya; dan istilah mempunyai makna yang khusus mengikut bidang. Junaini et al. (2017), berpendapat bahawa setiap istilah yang dipinjam konsepnya daripada bahasa-bahasa lain hendaklah berdasarkan konsep, bukan simbol perkataan. Hal ini bermakna, pembentukan sesuatu istilah memerlukan proses yang teliti bagi menerima pakai sesuatu istilah kerana mesti berpandukan kepada konsep istilah dan bukannya makna dalam sesuatu bidang.

Beberapa kajian tentang peristilahan mendapati bahawa penerimaan istilah dalam sesebuah masyarakat lebih tertumpu kepada istilah daripada bahasa kebangsaan masyarakat tersebut. Hal ini kerana istilah tersebut lebih difahami dan dikuasai dalam pelbagai bidang seperti dapatan kajian peristilahan bidang perubatan oleh Fage-Butler & Nisbeth Jensen (2015) dan Muresan & Klavans (2013) yang merujuk kepada istilah yang digunakan oleh masyarakat lebih difahami daripada istilah perubatan itu sendiri. Dalam pembentukan istilah, bahasa penerima iaitu pengguna atau masyarakat diutamakan dalam memberi kefahaman mereka terhadap istilah yang dibentuk dari segi konsep, makna dan ciri istilah. Menurut Junaini (2020), kreativiti penutur dan masyarakat setempat membentuk istilah adalah dengan melalui pengalaman 'jasadiah' (*bodily experience*) iaitu mengikut pengalaman seharian yang bersesuaian dengan bidangnya. Begitu juga dengan kajian Zarnikhi (2014) dan Bhreathnach (2011) yang menjurus kepada pembentukan istilah menggunakan bahasa ibunda kerana lebih difahami dan dikuasai oleh masyarakat negara tersebut. Kajian Okeogu (2015) pula menjurus kepada pembentukan istilah yang merujuk kepada keganasan dalam bahasa Igbo untuk kegunaan penduduk tempatan serta dikuasai dan difahami istilah-istilah keganasan tersebut dalam bahasa ibundanya. Kajian-kajian ini menunjukkan kepentingan bahasa ibunda dalam menyampaikan ilmu atau sesuatu yang mudah difahami oleh masyarakatnya. Hashim Musa (2004) menyatakan bahawa sesuatu ilmu pengetahuan yang ingin

disampaikan sekali gus dibudayakan kepada masyarakat haruslah dilakukan dalam bahasa yang mudah difahami oleh masyarakat iaitu bahasa kebangsaan mereka sendiri.

Terdapat beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan penguasaan pelajar terhadap istilah berkait dengan bahasa kebangsaan iaitu pelajar cenderung kepada penggunaan istilah bahasa Melayu dalam memahami ilmu. Kajian yang dilakukan oleh Ahmad et al. (2002), mendapati bahawa penerimaan pelajar teknikal di universiti terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam proses pengajaran dan pembelajaran sangat positif antaranya bahasa Melayu memudahkan pemahaman konsep bidang teknikal. Pelajar dapat mengadaptasi transformasi bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu dalam pembelajaran kejuruteraan yang dilingkungi bahasa Inggeris. Penguasaan pelajar dalam bidang teknikal dapat dicapai menerusi bahasa Melayu. Hasil kajian menunjukkan istilah teknikal daripada disiplin kejuruteraan dapat difahami dengan baik oleh pelajar dengan menggunakan bahasa kebangsaan (bahasa Melayu) kerana ilmu yang disampaikan menerusi bahasa kebangsaan mempunyai kekuatan dari segi pemahaman makna secara intrinsik. Rozita & Hashim (2018) dalam kajiannya menyatakan bahawa pembelajaran ilmu, sains dan teknologi dalam bahasa sendiri (kebangsaan) dengan mudah dapat difahami oleh seluruh rakyat jelata dan meningkatkan sumber daya tenaga dan modal insan yang meluas dalam kalangan rakyat. Penguasaan istilah dalam bahasa kebangsaan ini turut menjadi pegangan negara-negara maju sebagai wahana pengucapan intelektual dan pemangkin kemajuan negara menerusi bidang pendidikan. Kajian juga turut memfokus kepada faktor yang membawa kepada kemajuan negara luar. Kemajuan negara Jepun, Korea, Perancis dan Jerman, memperlihatkan pelajar di negara tersebut dapat memahami konsep teknologi, sains dan matematik yang diajar dalam bahasa kebangsaan negara mereka (Awang Azman, 2018). Kajian Schuth, E. et al., (2017) menunjukkan bahawa penguasaan istilah secara akademik melalui bahasa kebangsaan di sesebuah negara membantu penguasaan pelajar dengan lebih baik dan mempengaruhi pencapaian pelajar tersebut. Melalui bahasa kebangsaan, suatu ilmu dapat disampaikan dengan lebih cepat kerana masyarakat lebih menjiwai dan memahami bahasa kebangsaan khususnya dalam bidang yang menggunakan istilah teknikal bagi menerangkan sesuatu konsep seperti bidang kejuruteraan.

Kajian lepas juga turut merungkai permasalahan pelajar dalam memahami istilah kejuruteraan. Kunch, Z. Y. (2022) dalam kajiannya mengenai istilah dalam bidang kejuruteraan dan teknikal mendapati bahawa aspek penting dalam mempelajari istilah kejuruteraan dalam kalangan pelajar ialah menguasai penggunaan istilah sains dan teknikal, memahami penyesuaian fonetik dan ejaan daripada istilah pinjaman serta pentingnya menguasai semua aspek analisis terminologi. Hal ini kerana istilah-istilah khusus sering digunakan dalam pelbagai disiplin ilmu semasa proses pembelajaran. Penguasaan kosa kata yang luas dianggap dapat meningkatkan pemahaman dan penguasaan konsep-konsep akademik secara keseluruhan. Kajian Depecker (2015) dalam terminologi sains membuktikan bahawa pemprosesan data istilah masih lagi memerlukan kendalian oleh pemikiran manusia, terutama dalam tugas menganalisis kajian istilah sehingga ke peringkat yang tertentu. Oleh yang demikian, penguasaan pelajar dalam memahami istilah perlu dibantu dengan penjelasan pencirian intrinsik istilah bukannya bergantung kepada konsep istilah semata-mata dan kamus peristilahan yang menjurus kepada padanan istilah dalam dua bahasa kerana pelajar kurang pengetahuan sedia ada dalam bidang kejuruteraan.

Pembelajaran dalam bidang kejuruteraan memerlukan pelajar mengetahui dan memahami istilah kejuruteraan yang menamai sesuatu objek. Namun, penguasaan pelajar terhadap istilah kejuruteraan bahasa Melayu belum dirungkai bagi membantu pelajar memahami isi pelajaran. Pelajar yang tidak memahami istilah kejuruteraan bahasa Melayu akan memberi implikasi kepada penguasaan pelajar ketika mempelajari bidang kejuruteraan. Pelajar sekadar menyebut istilah yang terkandung dalam suatu topik pelajaran tanpa mengetahui makna dan ciri intrinsiknya. Kurangnya pengetahuan pelajar terhadap kewujudan ciri intrinsik istilah menyebabkan pelajar sekadar menyebut dan mengetahui istilah tersebut tanpa mendalami

maknanya. Hal ini menyebabkan pelajar menghafal istilah tersebut. Kajian mendapati bahawa pelajar kurang menguasai istilah bahasa Melayu kerana kesukaran dalam memahami ciri-ciri intrinsik istilah dan memberi tafsiran yang berbeza terhadap satu-satu istilah. Pelajar tidak mempunyai pengetahuan sedia ada yang mencukupi untuk membuat tafsiran terhadap istilah teknikal yang berkait rapat dengan bidang pengajian seperti kejuruteraan, perubatan dan linguistik (Noraini, et. Al., 2015). Dapatan kajian Azizi dan Norhashimah (2011) pula mendapati bahawa 66.7% pelajar mengalami masalah dalam penguasaan istilah kejuruteraan. Kajian Muhammad Mazlan (2015) juga mendapati bahawa tahap penguasaan murid terhadap istilah-istilah fiqh yang terdapat dalam buku teks Pendidikan Islam adalah sederhana kerana pentafsiran yang kurang tepat oleh pelajar. Hal ini menimbulkan kesukaran bagi pelajar untuk memahami sesuatu istilah dalam sesuatu topik kerana pelajar tidak menguasai ciri intrinsik istilah tersebut dan penerangan di dalam buku teks begitu teknikal. Aisyah (2021) dalam kajiannya pula mendapati bahawa kekurangan pendedahan dalam ilmu bahasa Melayu juga menjejaskan penguasaan bahasa Melayu dalam bidang-bidang khusus seperti sains dan teknikal. Permasalahan yang dicungkil ini ada kaitan dengan kesukaran dalam proses penerimaan dan penguasaan ilmu kerana pelajar terpaksa memindahkan konsep dan istilah-istilah daripada bahasa asing ke dalam bahasa ibunda. Selain itu, penguasaan pelajar terhadap istilah bahasa Melayu bergantung kepada konsep istilah semata-mata dalam memahami istilah.

Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa penggunaan bahasa kebangsaan, pengetahuan sedia ada dan pengaruh persekitaran antara mekanisme yang mempengaruhi pengetahuan dan penguasaan pelajar terhadap istilah khususnya dalam bidang teknikal. Rentetan daripada kajian-kajian lepas, kajian ini dilaksanakan bagi menginterpretasi elemen teori Terminologi Sosiokognitif (Temmermen, 2000) yang menggariskan potensi kognitif dalam peristilahan bidang bahasa khusus dan variasi terminologi iaitu konteks verbal, situasi, kognitif dalam wacana serta komunikatif persekitaran dalam membantu penguasaan pelajar terhadap istilah kejuruteraan bahasa Melayu selain memahami konsep istilah. Bagi merungkai permasalahan ini, kajian ini memfokus kepada dua objektif utama untuk dihuraikan, iaitu; (i) mengenal pasti faktor yang mempengaruhi penguasaan pelajar terhadap istilah bahasa Melayu; (ii) menginterpretasi elemen Teori Terminologi Sosiokognitif dalam penguasaan istilah bahasa Melayu dalam kalangan pelajar. Kajian ini dilaksanakan bagi menjawab persoalan tentang (i) apakah faktor yang mempengaruhi penguasaan pelajar terhadap istilah kejuruteraan bahasa Melayu?; dan (ii) bagaimanakah elemen Teori Terminologi Sosiokognitif berhubung kait dengan penguasaan istilah bahasa Melayu. Justeru, dengan kajian ini, dapat menyumbang kepada usaha memantapkan pengetahuan pelajar dalam pembelajaran dengan menguasai istilah-istilah bahasa Melayu dalam bidang khusus seperti kejuruteraan sekali gus menjadikan pelajar lebih menguasai ilmu.

## **METODOLOGI**

Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah temu bual, dan pemerhatian. Persampelan bertujuan digunakan dalam kajian ini dan data dianalisis secara deskriptif. Penggunaan instrumen protokol temu bual separa berstruktur yang mengandungi item berkaitan dengan pengetahuan dan penguasaan istilah dirangka untuk mendapatkan maklumat dengan lebih mendalam daripada peserta kajian. Transkripsi temu bual ini dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti8 untuk mengenal pasti tema dan kod-kod daripada data perbualan bagi menjawab objektif kajian secara deskriptif. Kaedah pemerhatian tidak turut serta digunakan bagi melihat secara dekat tingkah laku peserta kajian dan maklumat tambahan situasi atau kejadian sebenar yang dapat menyokong dapatan kajian. Pengkaji menggunakan kaedah prosedur pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang berdasarkan kepada tujuan khusus kajian berfokus kepada kumpulan tertentu. Kajian ini melibatkan peserta kajian yang terdiri daripada enam pelajar tingkatan empat yang mengikuti kursus Pengajian Kejuruteraan Mekanikal di sebuah sekolah aliran teknik. Enam peserta kajian ini dinamakan sebagai PK01, PK02 dan PK03, PK04, PK05 dan


PK06. Signifikan pemilihan peserta kajian ini mengambil kira pendedahan dan pembelajaran mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Mekanikal kepada pelajar aliran ini. Selain itu, peserta kajian dalam proses penerimaan ilmu baharu apabila mengambil jurusan kejuruteraan di sekolah teknik di samping pengetahuan sedia ada mereka dalam bidang kejuruteraan.

## **TEORI TERMINOLOGI SOSIOKOGNITIF**

Pengaplikasian teori dalam kajian ini yang memfokus kepada teori Terminologi Sosiokognitif (Temmerman, 2000) adalah selari dengan objektif kajian. Pengkaji memilih teori Terminologi Sosiokognitif sebagai sandaran dalam kajian kerana teori ini menekankan empat elemen berhubung kait dengan potensi kognitif dalam terminologi bidang bahasa khusus dan variasi terminologi iaitu dari segi konteks verbal, situasi, kognitif dalam wacana dan persekitaran komunikatif. Dalam kajian peristilahan yang berkaitan dengan teori ini, Temmerman (1997, 2000a dan 2012) telah menghuraikan dengan rinci teori Terminologi Sosiokognitif berdasarkan kajiannya. Temmerman (2012) menolak prinsip yang diketengahkan oleh Wuster (1931) dalam teori Umum Peristilahan (yang mengutamakan konsep dalam pembentukan istilah. Selain itu, kajian Temmerman (1997) menunjukkan perbezaan antara teori Terminologi Sosiokognitif dengan teori Terminologi Tradisional yang tidak mengikut sepenuhnya strukturalisme Saussurian (1990-an). Temmerman (2000b) seterusnya menerangkan kaedah pengajaran menggunakan pendekatan Terminologi Sosiokognitif kepada penggubal istilah yang lebih tersusun dan teliti melalui pengkategorian untuk membentuk unit pemahaman. Faber Benitez (2009) telah menginterpretasikan kerangka perkembangan teori Terminologi yang memperlihatkan perdebatan tentang Terminologi Tradisional dalam kalangan para sarjana bermula dengan pertikaian tentang teori Umum Peristilahan (Wuster, 1931) yang menekankan konsep istilah sahaja hingga pembentukan teori-teori baharu yang menjurus kepada pengkategorian dalam pembentukan istilah. Teori Terminologi Sosiokognitif (Temmerman, 2000) merupakan satu teori yang berdasarkan pengkategorian, iaitu ciri yang membezakan teori ini dengan teori Umum Peristilahan (Wuster, 1931) yang menekankan konsep dalam pembentukan istilah.

Temmerman (2000b) menerusi kajian kes berkenaan pengkategorian dan penamaan istilah dalam bidang sains hayat (perubatan) yang menumpukan kepada penggunaan bahasa bagi tujuan khas atau *Languages for Special Purposes* (LSP) mendapati istilah dalam teks khusus adalah sangat berbeza daripada yang diterangkan dalam teori Umum Peristilahan. Kajian mendapati bahawa terminologi tradisional menghalang penerangan istilah secara pragmatik dan realistik dalam bidang bahasa khusus (perubatan) dan mengukuhkan lagi dapatan bahawa penyeragaman dalam pembentukan istilah tidak penting. Hal ini kerana penyeragaman pembentukan istilah yang didasari dengan konsep menjadikan istilah tidak jelas dan menjadikan komunikasi dan pemahaman dalam bidang tersebut menjadi kompleks. Pengkaji menyedari berlaku ketidakselarasan prinsip dalam Terminologi Tradisional, antaranya kebanyakan istilah tidak dinyatakan dengan jelas, istilah ditentukan dengan penelitian konsep, terdapat sinonim dan polisemi dalam pembentukan istilah dan berlaku perubahan makna.

Kajian ini menjadikan teori Terminologi Sosiokognitif sebagai sandaran kepada dapatan kajian. Teori ini menyatakan bahawa penerimaan istilah adalah melalui potensi kognitif dalam peristilahan domain bahasa khusus dan pada kevariasian istilah yang terdiri daripada kognitif dalam wacana, konteks verbal, situasi dan persekitaran komunikatif iaitu ciri yang membezakan teori ini dengan teori Umum Peristilahan (Wuster, 1931) yang menekankan konsep dalam pembentukan istilah. Hal ini kerana kajian yang dilakukan adalah untuk melihat penguasaan pelajar terhadap istilah kejuruteraan bahasa Melayu berdasarkan faktor yang membawa kepada pengkategorian elemen potensi kognitif pelajar terhadap istilah.



**Gambar rajah 1.** Teori Terminologi Sosiokognitif.

Pengkategorian empat elemen yang digariskan dalam teori Terminologi Sosiokognitif (rajah 1) merujuk kepada potensi kognitif dalam terminologi bidang bahasa khusus dan variasi terminologi. Temmermen (2000) menerangkan bahawa konteks verbal merujuk kepada latar belakang yang ada kaitan dengan lisan pengguna bahasa. Melalui penerapan teori Terminologi Sosiokognitif dalam kajian ini, hasil dapatan menunjukkan ada hubung kait faktor penguasaan pelajar dengan elemen yang digariskan dalam teori ini berdasarkan pengkategorian pembentukan istilah. Konteks verbal dalam potensi kognitif dalam teori ini menjurus kepada bahasa yang lazim digunakan dalam pertuturan dan penyampaian lisan orang sekeliling dan membawa kepada pemahaman dan penguasaan istilah. Elemen kedua ialah situasi yang merujuk kepada kedudukan, keadaan dan pengalaman seseorang individu dalam bidang bahasa khusus seperti kejuruteraan dan teknologi. Hal ini memberi interpretasi kepada pengalaman dan visualisasi terhadap istilah serta pendidikan yang diperolehi. Kognitif dalam wacana pula merangkumi tafsiran dan pemahaman terhadap konsep istilah yang memperlihatkan keupayaan kognitif menyimpan maklumat menerusi imaginasi seseorang. Elemen komunikatif persekitaran merupakan kesediaan berhubung dengan persekitaran dan mudah menyampaikan maklumat kepada persekitaran melalui komunikasi berdasarkan pengalaman dengan istilah dan penggunaan bahasa kebangsaan atau bahasa ibunda serta media massa. Dalam konteks kajian, penerapan teori Terminologi Sosiokognitif dapat merungkai hubungan persekitaran dengan pemikiran yang membawa kepada pengkategorian pelbagai aspek dalam peristilahan. Hal ini menjawab kepada objektif kajian yang melihat kepada penguasaan pelajar terhadap istilah dan menganalisis potensi kognitif pelajar bagi membantu penguasaan mereka dalam istilah kejuruteraan bahasa Melayu .

Berdasarkan kepada fokus kajian ini, pengkaji melihat kesesuaian penggunaan Teori Terminologi Sosiokognitif (Temmerman, 2000) diaplikasikan dalam kajian ini. Hal ini kerana kajian yang dilakukan berbentuk kajian kes dan fokus kajian adalah untuk melihat faktor yang membantu penguasaan pelajar terhadap istilah kejuruteraan bahasa Melayu yang menjurus kepada dapatan yang pelbagai mengikut pengkategorian elemen potensi kognitif. Bertepatan dengan kajian ini, teori ini bersesuaian bagi mengupas dan menganalisis kognitif pelajar dalam menguasai istilah kejuruteraan bahasa Melayu menurut elemen potensi kognitif yang digariskan dalam teori Terminologi Sosiokognitif.




## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Faktor yang Mempengaruhi Penguasaan Pelajar terhadap Istilah Bahasa Melayu

Kajian mendapati bahawa terdapat faktor-faktor yang membantu pelajar menguasai istilah bahasa Melayu melalui kaedah pembentukan terjemahan secara langsung yang menggambarkan istilah melalui ciri intrinsik istilah. Hasil kajian juga mendapati empat elemen potensi kognitif dalam peristilahan iaitu konteks verbal, situasi, kognitif dalam wacana dan komunikatif persekitaran menyumbang kepada faktor penguasaan pelajar terhadap istilah bahasa Melayu.

Dalam kajian ini, pemikiran pelajar, komunikasi secara lisan, situasi atau pengalaman yang pernah dialami oleh pelajar dan persekitarannya bertepatan dengan elemen yang digariskan dalam teori Terminologi Sosiokognitif. Pembentukan istilah didasari dengan ciri-ciri yang dimiliki oleh sesuatu objek itu sendiri tanpa tambahan objek lain yang dilihat oleh pemerhati. Satu konsep tentang suatu objek akan terbina berdasarkan ciri-ciri intrinsik yang didapati pada objek berkenaan tanpa mengetahui nama objek tersebut. Hal ini juga berkait dengan persekitaran sesebuah masyarakat yang merangkumi kawasan kediaman, pekerjaan, tabii penggunaan bahasa di tempat tersebut dan bidang dalam sesuatu istilah. Pembentukan istilah dalam satu-satu bidang khusus haruslah dilakukan oleh individu yang pakar dalam bidang tersebut (Temmermen, 1997) serta tidak terikat kepada penyeragaman istilah yang tertumpu kepada konsep istilah kerana teks bidang khusus sangat berbeza penerangannya jika menggunakan pendekatan dalam terminologi tradisional.

Dapatan daripada analisis temu bual telah menemui beberapa faktor yang mempengaruhi penguasaan pelajar melalui ciri-ciri intrinsik istilah kejuruteraan bahasa Melayu seperti dalam rajah 2. Dapatan kajian ini diperoleh melalui perisian Atlas.ti8 yang digunakan bagi mengekodkan data kepada beberapa faktor yang mempengaruhi penguasaan pelajar terhadap ciri-ciri istilah. Analisis data berikut memperincikan faktor yang mempengaruhi penguasaan pelajar terhadap ciri-ciri intrinsik istilah kejuruteraan bahasa Melayu.



**Gambar rajah 2.** Rumusan Penguasaan Pelajar Terhadap Istilah & Ciri-Ciri Intrinsik Istilah Kejuruteraan Bahasa Melayu.

## Konsep Istilah

Konsep istilah merangkumi makna, proses, keadaan dan ciri perkataan yang diambil kira ketika proses pembentukan istilah. Setiap istilah yang dipinjam daripada bahasa asing hendaklah berdasarkan konsepnya dan bukan simbol perkataan. Kajian mendapati peserta kajian lebih menerima istilah yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu untuk membantu mereka memahami dan menguasai ciri-ciri intrinsik istilah. Istilah asing yang diterjemahkan secara langsung mengikut padanan makna kata atau frasa yang menunjukkan ciri-ciri intrinsik istilah tersebut. Sebagai contoh, PK06 menyatakan bahawa, “kaca gentian ni, dah nampak maksud kat situ. Boleh la faham bila sebut gentian tu kira benda tu dah diproses.. yang diproses kacalah. Boleh tahulah ciri benda tu”.(PK06/D6:10). Bagi istilah gelas bebola juga menunjukkan konsep yang memudahkan untuk menguasai ciri-ciri intrinsik melalui istilah itu sendiri seperti dalam pernyataan ini, “sebab apa perkataan tu dah ada makna, sebut je gelas bebola terus ingat bola banyak-banyak. Pas tu gelas tu macam alas dia yang gelung tu”.(PK06/D6:7). PK04 juga bersetuju bahawa konsep istilah membantu pemahaman mereka dalam menguasai ciri-ciri intrinsik istilah, “yang faham maksud tu pastu kena dengan ciri-cirinya.. senang laa. Pastu pernah tengok. Cepat aa.. apa ingat..atau tergambar cam tu”.(PK04/D4:25).

## Penggunaan Bahasa Kebangsaan

Penggunaan bahasa kebangsaan merupakan antara faktor yang mempengaruhi penguasaan pelajar menguasai ciri-ciri intrinsik istilah. Kajian mendapati peserta kajian lebih mudah memahami dan menguasai istilah dalam bahasa Melayu dan dapat memberikan ciri-ciri intrinsik istilah dengan mudah disebabkan daya ingatan lebih didominasi oleh bahasa Melayu yang telah sehati dengan kognitif mereka. Berikut adalah pernyataan daripada peserta kajian yang menyokong bahawa penggunaan bahasa Melayu membantu mereka menguasai ciri-ciri intrinsik istilah kejuruteraan bahasa Melayu.

- PK01 Kalau saya faham ciri perkataan dalam istilah bahasa Melayu tu, saya boleh terus ingat, aaa... atau bayangkan terus objek tu.. istilah tu la.(PK01/D1:8)
- PK02 Kalau bahasa Inggeris saya lambat tangkap, kalau bahasa Melayu saya cepat tangkap ciri istilah tu.(PK02/D2:1)
- PK03 Saya kena cari bahasa Melayu dulu baru saya boleh faham benda ni apa... ikut maksud dia.(PK03/D3:4) Yang sebut dalam bahasa Melayu, cepat terbayang. (PK03/D3:13)
- PK05 kat buku pun tulis gelas bebola, cikgu pun ajar dalam bahasa Melayu. Aaa.. pas tu senang ingat aa.. bila kat perkataan tu kita dah tahu maksud cam bebola.. dia banyak bola cam tu.(PK05/D5:4)

Bagi istilah kejuruteraan bahasa Melayu yang melalui pembentukan istilah secara penyerapan dengan penyesuaian atau tanpa penyesuaian ejaan, kajian mendapati peserta kajian perlu dibantu untuk menguasai ciri-ciri intrinsik bagi istilah tersebut seperti pengalaman, persekitaran dan gambar objek yang berkaitan dengan istilah. Hal ini diakui oleh PK06 bahawa istilah yang sama digunakan dalam bahasa Melayu dan bahasa asing agak sukar untuk mengingat ciri-ciri intrinsiknya. PK04 turut menyatakan untuk mengingat ciri-ciri intrinsik istilah yang diserap daripada bahasa Inggeris, perlunya bantuan seperti gambar atau penyampaian lisan oleh orang lain seperti pernyataan ini.

- PK06 Aa.. faham maksud istilah tu, maksudnya perkataan tu memang bahasa Melayu. Kalau macam gear tadi dari bahasa Inggeris, bahasa Melayu pun sama gak... cam tu susah sikit.(PK06/D6:25)
- PK04 Yang pinjam bahasa Inggeris tu aa, sama ejaan dia ke kena bantu dengan gambar ke, orang beritahu ke. (PK04/D4:18)

Faktor bahasa kebangsaan merupakan antara faktor terpenting yang mempengaruhi penguasaan pelajar terhadap ciri-ciri intrinsik istilah kejuruteraan bahasa Melayu. Hal ini disebabkan kognitif penutur bahasa kebangsaan lebih mudah menerima bahasa yang menjadi perantara dalam penerimaan ilmu dan penguasaan terhadap istilah yang dipelajari lebih efisien.

### Pengalaman Pelajar

Faktor seterusnya ialah pengalaman peserta kajian dengan istilah yang dipelajari. Pengalaman memberi implikasi kepada kognitif manusia dan mampu diingati dalam jangka masa yang panjang. Faktor ini sesuai dihubungkan kepada elemen situasi dalam teori yang dijadikan panduan dalam kajian ini bagi merujuk kepada pengalaman dan situasi yang dialami oleh peserta kajian dapat dikaitkan dengan istilah yang dipelajarinya. Dalam usaha untuk menguasai istilah kejuruteraan bahasa Melayu, terutama istilah yang melalui penyerapan daripada istilah sumber, faktor pengalaman peserta kajian membantu kognitif peserta kajian dengan hal-hal yang melibatkan persekitarannya untuk mengaitkan dengan sesuatu istilah yang dipelajari. Penjelasan peserta kajian dalam jadual 1, iaitu dapatan daripada temu bual telah membuktikan bahawa pengalaman peserta kajian dapat membantu penguasaan istilah kejuruteraan bahasa Melayu waima istilah yang melalui pembentukan istilah kategori penyerapan daripada bahasa asing yang tidak menampakkan ciri-ciri intrinsik pada kata istilahnya.

Perincian faktor penguasaan daripada pengalaman peserta kajian dengan istilah kejuruteraan boleh dibahagikan kepada; pengalaman peringkat kanak-kanak. Sebagai contoh, PK03 menerangkan bahawa dia pernah mengetahui istilah 'gear' ..kat rumah, masa kecil-kecil dahulu. Macam kat kereta mainan. (PK03/D3:2). Pengalaman dengan rakan, PK03 menjelaskan dia tahu gelas bebola ..bila terdengar pasal gelas bebola ni saya akan terfikir fidget spinner. (PK03/D3:4). Selain itu, pengalaman melalui ahli keluarga, seperti yang dinyatakan oleh PK02 .. Pernah dengar ayah cakap fuis tu terbakar, aaa... time dia buka plug.(PK02/D2:5). Kajian juga mendapati pengalaman pelajar di sekolah dan melalui pembacaan juga membantu penguasaan mereka dalam mempelajari istilah. PK03 menyatakan ..saya masuk sini saya baru tahu sebab saya ikut amali pasal gelas bebola (PK03/D3:8) dan PK01 menyatakan bahawa dia mengetahui istilah kaca gentian melalui pembacaan ..saya tahu kaca gentian tu fibreglass bila pernah baca kat satu majalah. (PK01/D1:8).

**Jadual 1** Pengalaman dengan Istilah

Peserta Kajian	Istilah	Pengalaman
PK01	Rivet	Pernah. Di sekolah lama.. saya duduk asrama.. warden guna rivet untuk baiki <i>locker</i> .. macam tu la. (PK01/D1:12)
PK01	Galas Bebola	Rasanya dari kawan-kawan. Masa main kat sekolah rendah. Kawan bawak ke sekolah tunjuk. (PK01/D1:14)
PK02	Fius	Pernah dengar ayah cakap fuis tu terbakar, aaa... time dia buka plug. (PK02/D2:14)
PK03	Galas Bebola	Bila terdengar pasal gelas bebola ni saya akan terfikir <i>fidget spinner</i> . (PK03/D3:3)
PK04	Fius	Pernah buka plug tu dengan kawan-kawan. Kawan cakap yang panjang kecil tu fuis. (PK04/D4:15)
PK05	Rivet	Saya tahu benda tu rivet. bila dah pernah guna 'rivet pop' kat bengkel. Macam saya tahu aa.. sebut rivet terus teringat bentuk dia. (PK05/D5:7)

## Persekitaran Pelajar

Faktor persekitaran juga memainkan peranan penting dalam membantu peserta kajian menguasai istilah dan ciri-ciri intrinsik istilah kejuruteraan bahasa Melayu. Namun begitu, tidak semua elemen daripada persekitaran membantu penguasaan sesuatu istilah. Sebagai contoh, istilah daripada bahasa sumber yang diserap dengan penyesuaian atau tanpa penyesuaian ejaan ke dalam bahasa Melayu. Terdapat peserta kajian menerima istilah asing tersebut tetapi kognitifnya tidak dapat bertindak balas untuk mengingati atau menguasai ciri-ciri objek bagi istilah tersebut. Hanya sekadar penyampaian lisan oleh orang sekeliling tetapi tidak membantu untuk memahami makna istilah asing tersebut dan padanannya dalam bahasa Melayu jika melibatkan bentuk penterjemahan. Sebagai contoh, PK04 mengetahui istilah *fibreglass* dari sebuah bengkel kereta berhampiran rumahnya. “Bengkel kereta tu dia macam aa.. orang tu letak kat *body* kereta. Macam kain, dengar orang tu cakap *fibreglass*.(PK04/D4:11). Namun begitu, PK04 tidak mengetahui ciri-ciri *fibre glass* tersebut dan tidak tahu terjemahan yang diterima dalam bahasa Melayu iaitu kaca gentian.

## Pendidikan Formal

Peranan dan penyampaian pengajaran oleh guru dalam merupakan faktor penting yang membawa kepada faktor penguasaan peserta kajian terhadap istilah dan ciri-ciri intrinsik istilah kejuruteraan. Hal ini disebabkan kejuruteraan merupakan satu bidang yang baharu bagi pelajar yang memasuki tingkatan 4 di sekolah aliran teknik. Peserta kajian menjelaskan mereka dibantu dengan pengajaran guru dengan menunjukkan objek yang mewakili istilah dan menerangkan istilah tersebut dengan jelas. Penyataan temu bual berikut menyokong peranan guru sebagai faktor yang membantu peserta kajian menguasai istilah kejuruteraan.

- |      |  |
|------|--|
| PK01 | ...bila cikgu tunjuk. Cikgu tunjuk benda tu sendiri.. dalam kelas.(PK01/D1:1)                    |
| PK03 | Bila kita belajar, macam cikgu terangkan.. berilah contohnya.. pastu tunjuk gambar. (PK03/D3:12) |
| PK02 | Dah belajar itu rivet dengan cikgu, tahulah ciri-ciri dia. (PK02/D2:13)                          |

## Komunikasi

Komunikasi orang sekeliling memberi implikasi kepada pemikiran pelajar. Dalam situasi ingin tahu dan dengan cara mudah adalah dengar bertanya kepada orang sekeliling atau menerima penjelasan orang lain mengenai sesuatu istilah yang baru dikenali atau objek yang mewakili istilah tersebut. PK01 pernah menyatakan bahawa dia tahu akan istilah gear apabila bapanya melarang dia mengusik objek yang dikatakan gear ketika berada dalam kereta, “ayah selalu sebut masa dalam kereta, jangan usik”. ( PK01/D1:10). PK03 menjelaskan dia mengetahui kebanyakan istilah adalah daripada bapanya, “ada, macam ayah bagitahu. Ada yang tak pernah..aaa.. bila belajar baru *first time* dengar”.(PK03/D3:14). PK03 mengakui bahawa ada istilah yang pertama kali didengari adalah ketika di sekolah. Komunikasi sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi penguasaan istilah dan ciri-ciri istilah turut dipersetujui oleh PK05 kerana dia mengetahui nama sesuatu istilah melalui guru, ahli keluarga dan rakan-rakan.

## Media Massa

Media massa merangkumi pelbagai jenis alat komunikasi yang dapat menyampaikan maklumat kepada orang ramai dengan cepat. Dalam konteks kajian ini, penggunaan internet untuk mencari maklumat juga dikategorikan dalam media massa kerana faktor sebaran yang cepat dan bermaklumat dengan menggunakan alat komunikasi. Daripada analisis temu bual, kod-kod yang dikeluarkan daripada data membentuk satu kategori faktor yang mempengaruhi penguasaan pelajar terhadap istilah dan ciri-ciri intrinsik istilah iaitu media massa. Hal ini dapat dibuktikan dengan pernyataan daripada peserta kajian, seperti dalam Jadual 2.

**Jadual 2** Faktor Media Massa

<b>Peserta Kajian</b>	<b>Media Massa</b>	<b>Penyataan temu bual</b>
PK01	Majalah	Faktor lain..gambar.. kat majalah ke. (PK01/D1:2)
PK02	Filem	Adalah satu masa tu dia tunjuk benda tu gear dalam cerita tu. (PK02/D2:10)
PK03	Televisyen	Pastu dah tengok yang real atau dalam gambar kat tv. (PK03/D3:16)
PK03	Internet	Erm..check kat internet Google lah. (PK03/3:16)
PK04	Internet	Internet Google je. (PK04/D4:22)
PK05	Internet/ Glosari	Kena banyak cari kat Internet Guna kamus. Rujuk glosari. (PK05/D5:13)
PK06	Buku	Aaa.. ada yang terbayang ada yang kena tengok buku teks untuk tengok camne rupanya. (PK06/D6:19)
PK06	Internet/ Kamus	Boleh tengok kat internetlah. Tengok internet pas tu aaa.. tengok kat kamus kejuruteraan dan.. tu je lah kot. (PK06/D6:23)

### **Menginterpretasi Elemen Teori Terminologi Sosisokognitif dalam Penguasaan Istilah Bahasa Melayu**

Perbincangan bagi dapatan dalam bahagian ini adalah untuk menjawab objektif kedua kajian, iaitu menginterpretasikan elemen teori Terminologi Sosisokognitif dalam penguasaan istilah bahasa Melayu. Kajian ini telah mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan pelajar terhadap istilah dan ciri-ciri intrinsik istilah kejuruteraan bahasa Melayu yang terdiri daripada enam faktor iaitu persekitaran, pengalaman, penggunaan bahasa kebangsaan, pendidikan formal, komunikasi dan media massa. Berdasarkan justifikasi kepada teori Terminologi Sosiokognitif, seyogianya teori ini diterapkan dalam kajian kerana kesesuaian elemen yang dibincangkan dalam teori dengan dapatan kajian. Dalam konteks kajian, penerapan teori terminologi Sosiokognitif dapat merungkai hubungan persekitaran dengan pemikiran yang membawa kepada pengkategorian pelbagai aspek dalam peristilahan. Hal ini menjawab persoalan kajian yang melihat kepada faktor penguasaan pelajar terhadap istilah bahasa Melayu

Dapatan kajian juga menjawab persoalan bagi objektif kedua iaitu bagaimana elemen potensi kognitif dalam peristilahan bidang khusus seperti yang digariskan dalam Teori Terminologi Sosiokognitif (Temmerman, 2000) berhubung kait dengan penguasaan istilah bahasa Melayu. Dapatan kajian yang menjurus faktor yang mempengaruhi penguasaan pelajar terhadap ciri-ciri intrinsik istilah kejuruteraan bahasa Melayu menunjukkan ada hubung kait potensi kognitif pelajar dalam penguasaan istilah kejuruteraan bahasa Melayu. Hubung kait tersebut mengikut pengkategorian elemen yang digariskan dalam Teori Terminologi Sosiokognitif iaitu dalam peristilahan domain bahasa khusus dan kevariasian istilah yang terdiri daripada kognitif dalam wacana, konteks verbal, situasi dan persekitaran komunikatif.

### **Konteks Verbal**

Dalam teori Terminologi Sosiokognitif, faktor komunikasi dapat dirujuk sebagai potensi kognitif peristilahan dalam konteks verbal yang melibatkan penyampaian lisan daripada orang lain. Selain itu, melalui komunikasi mengukuhkan lagi elemen yang terdapat dalam Teori Terminologi Sosiokognitif yang menghubungkan konteks verbal dengan penyampaian maklumat oleh ahli keluarga di rumah, pengajaran guru di sekolah. Kajian mendapati pelajar menguasai istilah ini melalui penyampaian lisan oleh orang lain dan jika dilihat persamaan dalam Teori Terminologi

Sosiokognitif, cara ini merujuk kepada elemen konteks verbal. Namun, penguasaan konteks verbal ini ada kemungkinannya tidak tepat seperti dapatan gear dalam kajian ini, takrifan yang diberi oleh penyampaian orang lain kepada peserta kajian sebagai panel yang terdapat dalam kereta (bukan dalam bahagian kotak gear).

### **Situasi**

Elemen situasi merujuk kepada kedudukan, keadaan dan pengalaman seseorang individu dalam bidang bahasa khusus seperti kejuruteraan dan teknologi. Hal ini memberi interpretasi kepada pengalaman dan visualisasi terhadap istilah serta pendidikan yang diperolehi. Pengalaman peserta kajian dengan sesuatu istilah kejuruteraan bahasa Melayu sangat penting untuk tujuan menguasai istilah dan ciri-ciri intrinsik istilah. Kaitan pengkategorian elemen situasi dalam potensi kognitif merangkumi keadaan ketika pelajar penerimaan istilah tersebut sama ada pengalaman mereka bersama ahli keluarga, bersama-sama kawan-kawan dan pengalaman ketika sesi pembelajaran di sekolah. Faktor pengalaman dengan istilah memberikan impak yang tinggi kepada pelajar untuk menguasai istilah kejuruteraan kerana melalui pengalaman masa lalu, pelajar boleh mengimajinasikan istilah yang pernah dilihat dan didengarinya, seterusnya menguasai istilah tersebut dengan ciri-ciri intrinsiknya. Pengalaman pelajar ketika bersama-sama individu lain dan pengalaman pelajar dengan objek bagi sesuatu istilah juga meninggalkan kesan kepada kognitif pelajar untuk menyimpan maklumat tersebut sehingga pelajar itu bertemu kembali dengan istilah tersebut.

### **Kognitif dalam Wacana**

Faktor konsep istilah ini sejajar dengan elemen yang terdapat dalam teori Terminologi Sosiokognitif, iaitu kognitif dalam wacana yang melibatkan potensi pemikiran untuk menginterpretasikan konsep istilah bagi memahami ciri-ciri intrinsiknya. Memahami konsep istilah kejuruteraan bahasa Melayu jelas bertepatan dengan potensi kognitif melalui kognitif dalam wacana iaitu pemikiran mengenai konsep istilah dan memahaminya melalui penyampaian lisan. Hal ini merujuk kepada pemikiran dalam ucapan atau perbincangan idea.

### **Persekitaran Komunikatif**

Elemen persekitaran komunikatif merupakan kesediaan berhubung dengan persekitaran dan mudah menyampaikan maklumat kepada persekitaran melalui komunikasi. Persekitaran komunikatif memperlihatkan hubung kait peserta kajian dengan persekitaran yang memberi input berkenaan sesuatu istilah berdasarkan pengalaman pelajar dengan istilah dan penggunaan bahasa kebangsaan. Pengalaman dengan pembelajaran di sekolah juga menjurus kepada persekitaran komunikatif. Hal ini kerana, pelajar dan guru berkomunikasi dalam bidang khusus iaitu bidang kejuruteraan dan pengenalan kepada istilah-istilah kejuruteraan bahasa Melayu.

## **KESIMPULAN**

Rumusan kajian yang berlandaskan teori Terminologi Sosiokognitif dalam kajian ini telah mengenal pasti beberapa faktor yang berkaitan dengan penguasaan istilah kejuruteraan. Faktor yang dirungkai dalam kajian ini sebenarnya banyak mempengaruhi penguasaan dan pemahaman pelajar dalam bidang kejuruteraan. Faktor persekitaran, pengalaman, penggunaan bahasa kebangsaan, pendidikan formal, komunikasi dan media massa didapati membantu penguasaan pelajar terhadap istilah-istilah kejuruteraan bahasa Melayu. Jelaslah bahawa kajian ini sejajar dengan teori yang digunakan bagi mengupas faktor penguasaan pelajar terhadap istilah kejuruteraan bahasa Melayu melalui pengkategorian elemen potensi kognitif dalam peristilahan bidang bahasa khusus dan kevariasian istilah yang tidak bergantung kepada konsep istilah semata-mata untuk membantu pelajar menguasai istilah bahasa khusus seperti bidang

kejuruteraan. Kajian ini berguna untuk menjelaskan bahawa faktor penguasaan istilah bahasa Melayu dapat diinterpretasi menerusi elemen potensi kognitif yang digariskan dalam teori Terminologi Sosiokognitif. Kajian ini juga dapat membuktikan bahawa penguasaan pelajar terhadap istilah teknikal atau bahasa khusus turut dibantu oleh faktor lain dan tidak memfokus kepada konsep istilah itu sahaja.

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (2009). Bahasa Melayu di persimpangan: Antara jati diri dengan rempuhan globalisasi. *Kemanusiaan*, 16, 59-81.
- Ahmad Esa, Jailani Mohd Yunus & Mohd Yusop. (2002). Keperkasaan bahasa Melayu dalam kurikulum pendidikan Teknik & Vokasional: Satu kajian kes di institusi pendidikan di Malaysia. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu Beijing ke-2*, 35-48.
- Ainon Mohd dan Abdullah Hassan. (2000). *Teori dan teknik terjemahan*. PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Aisyah Mohamad Kassim. (2021). Pelestarian bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda di Singapura *Jurnal Pengajian Melayu - JOMAS*, 32(2), 39-56.
- Alexier, B., & Keremidchieva, D. (2015). A lexical approach to teaching terminological units. *24th BETA-IATEFL Annual International Conference*, 18, 122-132.
- Asrul Azuan Mat Dehan, Nor Azuwan Yaakob & Jama'yah Zakaria. (2014). Gerak kerja '5P' pembentukan istilah bahasa Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, Vol 1, 77-86.
- Awang Azman Awang Pawi. (2018). PPSMI bakal dilaksanakan semula? *Dewan Bahasa*, Bil.4, 34-38.
- Awang Sariyan. (2017). Pengembangan bahasa dan persuratan Melayu di China. *Dewan Bahasa*, Bil.10, 16-19.
- Azizi Yahaya & Norhashimah Ismail. (2011). Faktor-faktor pemilihan kursus dan masalah-masalah pembelajaran dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar tingkatan empat aliran teknikal di tiga buah sekolah di Negeri Sembilan. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 2(6), 93-106.
- Bhreathnach, Úna. (2011). *A best practice model for term planning*. PhD thesis, Dublin City University.
- Coxhead A. (2020). Academic vocabulary. In Webb S. (Ed.), *The Routledge handbook of vocabulary studies* (pp. 97-110). Routledge.
- Depecker, L. (2015). How to build terminology science? In Kockaert, H.J., & Steurs, F. (Eds), *Handbook of terminology* (pp.33-34). John Benjamins Publishing Company.
- Dewan Bahasa & Pustaka. (1975). *Pedoman umum pembentukan istilah bahasa Melayu*. Dewan Bahasa & Pustaka.
- Dewan Bahasa & Pustaka. (2004). *Pedoman umum pembentukan istilah bahasa Melayu*. Dewan Bahasa & Pustaka.
- Faber Benítez, P. (2009). The cognitive shift in terminology and specialized translation. *MonTI. Monografías De Traducción E Interpretación*, (1), 107-134. <https://doi.org/10.6035/MonTI.2009.1.5>
- Fage-Butler, A.M., Nisbeth Jensen, M. (2015). Medical terminology in online patient-patient communication: Evidence of high health literacy? *Health Expectations*, 19, 643-653.
- Felber, H. (1984). *Terminology manual* (1<sup>st</sup> ed). Vienna: International Information Centre for Terminology.
- Hashim Musa dan Rozita Che Rodi. (2014). Bahasa Melayu bahasa negara bangsa Malaysia. *Jurnal Pertanika Mahawangsa*, 1, 257-272.
- Hasnah Mohamad. (2016). *Takrif kamus istilah dari perspektif pengguna*. Dewan Bahasa & Pustaka.
- Junaini Kasdan. (2020). Penciptaan istilah dan akal budi Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 8(1), 3-16.

- Junaini Kasdan, Rusmadi Baharudin & Anis Shahira Shamsuri. (2020). Covid-19 dalam korpus peristilahan bahasa Melayu: Analisis sosioterminologi. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Volume 20(3), 221-241. <http://doi.org/10.17576/gema-2020-2003-13>.
- Kunch, Z. Y. (2022). The Most Important Aspects of Studying Term Vocabulary with Students of Engineering and Technical Specialties. *Visnyk Universitetu Imeni Alfreda Nobelya. Seriya: Filologichni Nauki*, 2022(1), 175–183. <https://doi.org/10.32342/2523-4463-2022-1-23-17>.
- Lim Swee Tin. (2016). Penguasaan bahasa Melayu: Satu penilaian keefisienan masyarakat kini. *Pelita Bahasa*, Bil 3, 10-13.
- Loewen S., Ellis R. (2004). The relationship between English vocabulary knowledge and the academic success of second language university students. *New Zealand Studies in Applied Linguistics*, 10(1), 1–29.
- Masrai A., Milton J., El-Dakhs D. A. S., Elmenshawy H. (2021). Measuring the contribution of specialist vocabulary knowledge to academic achievement: Disentangling effects of multiple types of word knowledge. *Asian-Pacific Journal of Second and Foreign Language Education*, 6(1), 8. <https://doi.org/10.1186/s40862-021-00114-5>.
- Milton J., Treffers-Daller J. (2013). Vocabulary size revisited: The link between vocabulary size and academic achievement. *Applied Linguistics Review*, 4(1), 151–172. <https://doi.org/10.1515/applirev-2013-0007>.
- Muhamad Mazlan Abdul Majid. (2015). *Penguasaan istilah fiqh dalam kalangan murid sekolah rendah: Kajian di sekolah-sekolah rendah dalam zon Pudu, Wilayah Persekutuan*. Tesis PhD., Universiti Malaya.
- Muresan S, Klavans J. L. (2013). Inducing terminologies from text: A case study for the consumer health domain. *Journal of American Society for Information Science and Technology*, 64(4), 727-744.
- Nathesan, S. (2016). Istilah Sains dalam Bahasa Melayu: Usaha memperkaya dan mengupayakannya. *Jurnal Bahasa*, 519-544.
- Noraini Husin, Sarimah Shamsudin & Amerrudin Abd Manan. (2015). Vocabulary needs of engineering students: A survey. *LSP International Journal*, 2(1), 37-47. <https://doi.org/10.11113/lspi.v2n1.17>.
- Roche T., Harrington M. (2013). Recognition vocabulary knowledge as a predictor of academic performance in an English as a foreign language setting. *Language Testing in Asia*, 3(1), 12. <https://doi.org/10.1186/2229-0443-3-12>.
- Roche T., Harrington M. (2013). Recognition vocabulary knowledge as a predictor of academic performance in an English as a foreign language setting. *Language Testing in Asia*, 3(1), 12. <https://doi.org/10.1186/2229-0443-3-12>.
- Rozita Che Rodi & Hashim Musa. (2018). Pemeriksaan bahasa Melayu dan sejarah pembentukan Malaysia. *Dewan Bahasa*, Bil. 9, 6-12.
- Sager, Juan C. 1990. *A Practical Course in Terminology Processing*. Amsterdam: John Benjamins. <https://doi.org/10.1075/z.44>.
- Sarimah Shamsudin, Amerrudin Abdul Manan & Noraini Husin. (2013). Introductory engineering corpus : A needs analysis approach. *Akdeniz Language Studies Conference. Procedia-Social and Behavioural Science*, 70, 1288-1294.
- Schuth, E., Köhne, J., & Weinert, S. (2017). The influence of academic vocabulary knowledge on school performance. *Learning and Instruction*, 49, 157-165. <https://doi.org/10.1016/j.learninstruc.2017.01.005>.
- Szabo C. Z., Stickler U., Adinolfi L. (2021). Predicting the academic achievement of multilingual students of English through vocabulary testing. *International Journal of Bilingual Education and Bilingualism*, 24(10), 1531–1542.
- Tan, A. W. L., & Goh, L. H. (2020). Comparing the effectiveness of direct vocabulary instruction and incidental vocabulary learning in improving the academic vocabulary of Malaysian tertiary students. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 28(S2), 263-279.



- Temmerman, R. (1997). Questioning the univocity ideal. The difference between socio-cognitive Terminology and traditional Terminology. *HERMES - Journal of Language and Communication in Business*, 10(18), 51–90. <https://doi.org/10.7146/hjlc.v10i18.25412>.
- Temmerman, R. (2000a). Training Terminographers: the Sociocognitive Approach. In *Proceedings of the Ninth Euralex International Congress*, 453-460.
- Temmerman, R. (2000b). *Towards new ways of terminology description: The sociocognitive approach*. John Benjamins.
- Wan Ramli Wan Daud. (2016, Februari 22). English not only language of science. *The Star*.
- Zaliza Zubir & Mahfuzah Binti Md Daud. (2014). Peristilahan dalam bidang saintifik. *Journal of Human Development and Communication*.3 (special issue), 93-113.
- Zarnikhi, A. (2014). *Towards a model for terminology planning*. PhD thesis, Universitat Pompeu Fabra.